

SISTEM PEMBELAJARAN DAN KAEDAH HAFAZAN AL-QURAN DI MAAHAD TAHFIZ AL QURAN AN NAJIHAH, NILAI

Khairul Ammar Idham Bin Khairul Anuar¹

Ahmad Muadz Bin Zulkifle²

Muhammad Fauzan Azim Bin Mohd Fadhil³

Syed Najihuddin bin Syed Hassan⁴

¹Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (E-mail: kammaridham99@gmail.com)

²Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (E-mail: muadzzulkifle@gmail.com)

³Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (E-mail: muhdfauzanazim98@gmail.com)

⁴Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (E-mail: syednajihuddin@usim.edu.my)

Abstrak: Penyelidikan yang dijalankan ini ialah satu kajian untuk melihat serta mengkaji sistem pembelajaran dan kaedah hafazan al-Quran di Maahad Tahfiz Al Quran An Najihah, Nilai. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat apakah kaedah yang paling sesuai dan berkesan di dalam pembelajaran dan penghafazan al-Quran. Kajian ini akan dijalankan Maahad Tahfiz Al Quran An Najihah, Nilai. Kajian yang dijalankan ini adalah untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan oleh penyelidik iaitu untuk mengkaji apakah sistem pembelajaran dan kaedah hafazan al-Quran yang paling berkesan di dalam mendalami ilmu al-Quran. Kajian ini juga akan menyentuh beberapa aspek perbandingan di antara pendidikan tahfiz moden dan tradisional di Malaysia seperti dari kacamata pendidikan, infrastruktur, lokasi, perhubungan, pentadbiran, syarat kemasukan, peperiksaan dan persijilan, serta pengiktirafan para lulusan tahfiz dari institusi awam mahupun swasta. Penyelidikan ini juga cuba meneliti kaedah-kaedah hafazan baru (dars jadid) serta kaedah mengekalkan hafazan (sabiq) dan kaedah mengulang bacaan iaitu (taqrir/muraja'ah). Data-data yang akan diperolehi seperti latar belakang para pelajar, pendapat para pelajar tahfiz, pendapat para guru tahfiz mengenai masalah, faktor yang mempengaruhi daya hafazan dan pengejalan hafazan serta kaedah yang paling berkesan untuk melaksanakan hafazan; kesemuanya dianalisis secara terperinci. Hasil penelitian ini diharapkan dapat melahirkan satu modul pengajaran dan pembelajaran kaedah hafazan yang sistematik dan berkesan dan seterusnya melahirkan institusi tahfiz al-Quran yang tersusun dan moden. Ini akhirnya akan melahirkan lebih ramai hafiz dan hafizah yang berkualiti dan berwibawa.

Kata Kunci: Sistem pembelajaran, kaedah hafazan, Al-Quran, Kaedah Deobandy

Pengenalan

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam. Kami memuji-Nya, kami memohon pertolongan-Nya, kami memohon ampun kepada-Nya, dan kami berlindung kepada-Nya dari kejahatan diri kami dan dari kejahatan serta kemungkarannya perbuatan kami. Kami bersaksi bahawa tiada Tuhan selain Allah, dan kami bersaksi bahawa Muhammad adalah hamba dan Rasul-Nya, dan ke atas keluarganya dan para sahabatnya. Menghafal Al-Quran adalah fardhu kifayah kepada umat Islam. Al-Quran merupakan wahyu yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. sebagai satu mukjizat dan tanda kenabian baginda. Kitab al-Quran diturunkan bukan sekadar dituntut untuk dibaca, dikaji, difahami dan diamalkan, malah ia turut dituntut untuk dihafal oleh umat Islam tidak kira sama ada menghafal keseluruhan atau sebahagian ayat-ayat tersebut. Ia adalah kesinambungan daripada usaha-usaha yang telah dilakukan oleh para ulama terdahulu, malah semenjak dari zaman Rasulullah s.a.w. sendiri. Ramai Ibu bapa telah menghantar anak mereka mempelajari bidang tahfiz ini sebaik sahaja tamat di peringkat sekolah rendah, malah terdapat juga segelintir mereka yang telah memulakan usaha ini sewaktu anak mereka masih bersekolah rendah lagi.

Tajuk kajian kami ialah "Sistem Pembelajaran Dan Kaedah Hafazan Al-Quran Di Maahad Tahfiz Al Quran An Najihah, Nilai". Kajian dimulakan dengan pengenalan diikuti dengan kajian sejarah penubuhan dan pengurusan sekolah ini serta bilangan guru dan pelajar. Selepas itu, kajian ini turut merangkumi metodologi yang digunakan oleh sekolah tahfiz serta kelebihan dan kekurangannya. Akhir sekali, kajian berikut ialah pencapaian, rumusan dan lampiran..Antara objektif kajian adalah untuk mengkaji latar belakang Maahad Tahfiz Al Quran An Najihah, Nilai. Selain itu, objektif kedua adalah mengenalpasti sistem pembelajaran dan kaedah hafazan Al-Quran Maahad Tahfiz Al Quran An Najihah, Nilai. Di samping itu, objektif yang terakhir adalah untuk menganalisis kekuatan dan kelemahan sistem pembelajaran dan kaedah hafazan yang digunapakai oleh pelajar di Maahad Tahfiz Al Quran An Najihah, Nilai.

Kajian Lepas

Kajian ini secara khusus menganalisis pendekatan dan kaedah yang digunakan di Maahad Tahfiz Al Quran An-Najihah, Nilai dalam menghafaz Al-Quran. Kajian ini mendapati bahawa kajian-kajian terdahulu telah dijalankan di mahaad-mahaad tahfiz di Malaysia tetapi tidak ada kajian terdahulu yang dijalankan di Maahad Tahfiz Al Quran An-Najihah. Walaupun tidak ada kajian yang dijalankan di Maahad Tahfiz Al Quran An-Najihah, kajian terdahulu akan digunakan sebagai rujukan dalam melengkapkan penyelidikan ini.

Menurut (Abdullah, Abdullah, Rosman, & Ilias, 2015) pelajar yang tidak mempunyai strategi dan metod dalam menghafaz Al-Quran akan menyebabkan mereka mengalami kesukaran dalam menghafaz. Kesannya kualiti dari segi aspek kelancaran dan pengekalannya hafazan akan berkurangan dan merundum dalam diri pelajar. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis dan mengenal pasti strategi awal menghafaz Al-Quran menurut Abu Dzar Al-Qalamuni. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah menganalisis dokumen yang dipilih iaitu 'Aunir Rahman fi Hifzil Quran karya Abu Dzar al-Qalamuni.

Kajian oleh (Hashim, Tamuri, & Jemali, 2013) mendapati bahawa penubuhan pusat pengajian tahfiz di Malaysia semakin meningkat dengan wujudnya sekolah tahfiz swasta dan sekolah tahfiz rakyat. Kurikulum dan kaedah yang diaplikasikan setiap mahaad tahfiz berbeza mengikut latar belakang pendidikan guru berkenaan dan guru tahfiz akan mengajar berdasarkan pengalaman mereka sendiri. Daripada peningkatan ini, dapat dilihat bahawa sistem pengajian yang dilaksanakan oleh maahad tahfiz tidak khusus, teratur dan tersusun. Tujuan kajian ini dibuat adalah

untuk meneroka kaedah dan sistem pembelajaran tahfiz yang dilaksanakan di Darul Quran dan Maahad Tahfiz Quran Negeri (MTQN).

Kajian yang dibuat oleh (Mustafa & Basri, 2014) yang bertajuk “PERBANDINGAN KAEDAH HAFAZAN AL-QURAN TRADISIONAL DAN MODEN: SATU KAJIAN AWAL” bertujuan untuk mengenalpasti kajian lanjutan yang diperlukan untuk mengukuhkan dan menambah baik kaedah hafazan yang sedia ada. Dapatan daripada kajian ini mendapati bahawa antara faktor kelemahan dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran tahfiz adalah mengekalkan penggunaan kaedah tradisional oleh guru tahfiz. Hal ini demikian kerana kaedah tradisional gagal menarik minat golongan-golongan muda untuk belajar dan menghafaz Al-Quran di dunia teknologi yang semakin pesat berkembang.

Selain itu, amalan menghafaz Al-Quran bukan menjadi penghalang kepada pelajar untuk cemerlang dalam bidang akademik bahkan amalan menghafaz Al-Quran menjadi kekuatan kepada kepada pelajar dari segi aspek mental, jiwa dan intelektual (Fauzan & Mohamad, 2017). Metodologi yang digunakan oleh pengkaji adalah kaedah tinjauan yang menggunakan set soal selidik.

Dalam kajian (Fatimatuzzahro, 2018) yang bertajuk “PENERAPAN METODE PAKISTANI DALAM MENINGKATKAN KUALITAS PEMBELAJARAN TAHFIZUL QUR`AN DI PONDOK PESANTREN AL-IHSAN BANJARMASIN”, pengkaji menyatakan bahawa masalah yang sering dihadapi oleh seorang penghafal Al-Quran adalah hafalan yang dihafal tidak melekat (mutqin) dan kekal. Hal ini demikian kerana kaedah yang digunakan oleh para penghafal Al-Quran hanya untuk menambah hafalan sahaja tetapi bukan untuk kekal selamanya. Salah satu kaedah yang efektif bagi para penghafaz Al-Quran untuk menghafal dan memperkuat hafalan adalah kaedah Pakistani yang terdiri daripada Sabaq, Sabqi dan Manzil.

Seterusnya, seorang penghafal Al-Quran yang digelar huffaz mempunyai kedudukan dan martabat yang tinggi di sisi Allah namun harus diingat bahawa gelaran huffaz bukan menjadi satu kebanggaan semata-mata tetapi amanah daripada Allah SWT. Ujian terbesar bagi para huffaz adalah untuk menjaga hafalan mereka dan ini memerlukan usaha yang tinggi dan penggunaan kaedah yang betul. Kajian yang dibuat oleh (Abdullah & Abdul Rahman, n.d.) bertujuan untuk mendapatkan maklum balas tentang kaedah hafazan al-Quran Sistem Turki yang digunakan di Tahfiz Al-Quran Darul Tuba, keistimewaan sistem ini serta kaedah-kaedah tertentu menerusi sistem ini yang diamalkan untuk memelihara hafazan.

Seterusnya, satu kajian yang telah dibuat oleh (Haji Abdullah, Safar, Mustari, Muhammad, & Ismail, 2003) yang bertajuk “KEBERKESANAN KAEDAH HAFAZAN DI PUSAT TAHFIZ”, fokus utama pengkaji dalam kajian ini adalah menganalisis kaedah hafazan Al-Quran dan keberkesanannya. Dalam kajian ini, pengkaji juga membuat penelitian tentang kaedah-kaedah menghafaz ayat baru (hifz jadid), kaedah mengulangkaji hafazan (taqirir atau muraja'ah) serta masalah-masalah yang dihadapi oleh para penghafal Al-Quran dalam menghafaz dan mengekalkan hafazan Al-Quran.

Berdasarkan hasil kajian daripada (Hashim & Tamuri, Persepsi Pelajar Terhadap KAedah Pembelajaran Tahfiz Quran di Malaysia, 2012), pengkaji mendapati bahawa kaedah takrar dan tasmi' merupakan kaedah yang paling banyak diamalkan oleh dalam pembelajaran tahfiz Al-Quran iaitu memperbanyakkan pengulangan pada ayat yang susah kemudian tasmi' dihadapan pensyarah. Dalam kajian ini, pengkaji juga memberi penekanan bahawa pemahaman dan penulisan Al-Quran dalam pembelajaran tahfiz sangat penting dan tidak boleh diabaikan untuk memastikan dapat melahirkan para huffaz yang berkualiti.

Kajian yang dibuat oleh (Mohamed & Abbas, 2021) bertujuan untuk memperkenalkan modul hafazan Al-Quran iaitu Latihan Intensif Hafazan Al-Quran (LIQA) yang diperkenalkan oleh Ustaz Mohd Hasdi. LIQA merupakan satu teknik pengajian Al-Quran yang disusun bagi membantu murid khususnya dalam menguasai hafazan al-Quran dengan pendekatan yang menarik, mudah,

bersistematik. Hasil daripada kajian mendapati bahawa modul LIQA berkesan terhadap pelajar dari segi peningkatan hafazan pelajar.

Di samping itu, terdapat banyak kaedah-kaedah menghafaz Al-Quran yang dipraktikkan dalam Malaysia ini. Kajian yang dibuat oleh (Dzulkipli & Hussain Solihu, 2018) yang bertajuk “Methods of Quranic Memorisation (Hifz): Implications for Learning Performance” bertujuan untuk menilai kaedah-kaedah penghafalan Al-Quran yang diamalkan di Malaysia di samping mengenali persamaan dan keunikan setiap kaedah.

Kajian yang dibuat oleh (Mughtar, Daud, & Muhammad, 2019) bertajuk “Metode Menghafal Al-Quran Di Malaysia Dan Indonesia: Kajian Perbandingan Diantara Perpensyaraan Tinggi (Literasi Metode Di Indonesia) bertujuan untuk melihat perbezaan kemampuan dalam menghafal Al-Quran diantara beberapa unversiti di Malaysia dan Indonesia yang menggunakan kaedah masing-masing. Hasil kajian mendapati bahawa tidak ada mana-mana kaedah yang dapat menjamin seorang huffaz mengingat Al-Quran akan tetapi usaha dan kerajinan merupakan komponen utama dalam memastikan seseorang itu mengingat Al-Quran.

Akhir sekali, syahadah tahfiz merupakan kemuncak tertinggi dalam proses menghafal Al-Quran iaitu menghafaz Al-Quran dikehendaki untuk tasmi' 30 juz Al-Quran dihadapan guru. Kajian yang dibuat oleh (A. Adi & Shohaimi, 2019) bertujuan untuk mengkaji proses syahadah tahfiz berasaskan kaedah deobandy yang diamalkan di Mahaad Tahfiz Negeri Pahang. Hasil daripada kajian mendapati bahawa kaedah Deobandy dapat menarik minat pelajar untuk mengambil syahadah tahfiz.

Kepentingan Kajian

Kajian yang telah dijalankan ini diharapkan akan dapat memberi sumbangan kepada pihak Maahad Tahfiz Al Quran An Najihah, Nilai untuk mencari suatu kaedah hafazan yang berkesan dalam melahirkan para hafiz. Ini kerana bilangan mereka terlalu kecil berbanding dengan jumlah umat Islam di negara ini. Pertambahan bilangan hafiz al-Quran diharap dapat melahirkan sekurang-kurangnya seorang atau hafizah daripada setiap keluarga menjadi kenyataan. Kalau ini dapat direalisasikan, sudah pasti para hafiz dan hafizah al-Quran akan wujud di mana-mana sahaja seperti di institusi-institusi pengajian tinggi, pejabat-pejabat, sekolah-sekolah, di gedung-gedung perniagaan malahan di kawasan ladang sekalipun.

Hasil daripada kajian yang dijalankan ini kemudiannya akan dapat dijadikan suatu rumusan bagi menghasilkan modul pembelajaran dan pengajaran kaedah hafazan di Madrasah/Maahad/Institut tahfiz yang lain dalam usaha mewujudkan institusi penghafazan al-Quran secara tersusun dan moden.

Latar Belakang Sekolah

Sejarah Penubuhan Maahad Tahfiz

Nama penuh maahad tahfiz adalah Maahad Tahfiz Al-Quran An Najihah (MATAN) yang terletak di Nilai. Ia ditubuhkan buat pertama kalinya pada tahun 2009. Maahad tahfiz ini diwujudkan bagi memenuhi fardhu kifayah dalam bidang menghafal Al-Quran. Nama pengetua bagi maahad tahfiz ini ialah Ustaz Muhammad Zawawi Bin Aman. Maahad Tahfiz Al-Quran An Najihah (MATAN) merupakan sebuah sekolah hafazan Al-Quran persendirian yang telah didaftarkan di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) pada 3 Mei 2011. Matlamat maahad tahfiz MATAN adalah untuk melahirkan insan yang berilmu, beramal, bertakwa serta melahirkan huffaz yang cemerlang dalam bidang agama dan akademik. Selain itu dapat melahirkan huffaz yang professional, berkemahiran dan mampu menghadapi cabaran globalisasi. Akhir sekali, menjadi pusat tarbiyyah bagi generasi penghafal Al-Quran yang menghayati dan memperjuangkan tuntutan Al-Quran dalam kehidupan.

Sistem Akademik dan Hafazan bagi Maahad Tahfiz Al-Quran An Najihah

Maahad Tahfiz Al-Quran An Najihah (MATAN) menawarkan pengajian ilmu menghafaz Al-Quran dan subjek-subjek akademik untuk melahirkan generasi huffaz yang professional tanpa mengabaikan salah satu daripadanya. Sistem yang digunakan adalah sama dan tidak jauh beza daripada Sekolah Ulul al-Bab, yang memberi tumpuan kepada Al-Quran, akademik dan kokurikulum. Yang menjadi perbezaannya adalah MATAN merupakan pusat tahfiz swasta persendirian.

Sistem akademik yang digunakan di Maahad Tahfiz A-Quran Najihah selaras dengan sistem pendidikan Malaysia iaitu terdapat penggal pertengahan tahun dan penggal akhir tahun. Namun, subjek yang diajarkan di MATAN tidak banyak dan terhad berbanding sekolah-sekolah bawah kerajaan. Subjek-subjek yang diajar lebih berfokuskan dalam bidang agama seperti subjek Pendidikan Quran dan Sunnah (PQS), Pendidikan Syariah Islam (PSI) dan Bahasa Arab. Selain itu, pelajar-pelajar bebas untuk mengambil peperiksaan Sijil Pembelajaran Malaysia (SPM) atas nama calon persendirian.

Bagi sistem hafazan pula, pada pertengahan tahun dan akhir tahun pelajar akan menghadapi ujian dan peperiksaan hafazan. Pelajar akan dikehendaki untuk mengambil peperiksaan syafawi dan tahriri. Syafawi adalah soalan berbentuk tebuk ayat manakala tahriri pula soalan berbentuk penulisan.

Jadual Harian bagi Pelajar Maahad Tahfiz

Pengurusan jadual harian pelajar bermula pada awal pagi iaitu solat Subuh berjemaah. Selepas menunaikan solat Subuh, pelajar ditugaskan untuk membersihkan kawasan asrama dan sekolah. Pada pukul 7 pagi, kelas pembelajaran dan hafazan Al-Quran bermula dan pelajar dikehendaki untuk menghantar hafalan baru dan tasmī' di hadapan ustaz dan ustazah sehingga pukul 9 pagi. Selepas itu, pelajar akan menunaikan solat Dhuha dan berehat. Pada pukul 10:15 pagi, pelajar akan memulakan kelas akademik sesi pertama seperti subjek Bahasa Inggeris, matematik dan sebagainya sehingga pukul 12:15 petang. Pada pukul 2:50 hingga 4:30 merupakan pembelajaran akademik sesi kedua. Sejurus tamat sesi pembelajaran, pelajar dibenarkan untuk pulang ke asrama untuk bersukan ataupun berehat. Pada waktu malam, pelajar akan mengulang atau murajaah hafalan-hafalan mereka sebelum ini untuk memastikan mereka tidak lupa apa yang dihafal. Pada pukul 11:00 malam, pelajar dikehendaki untuk tidur.

Metod & Kaedah Yang Digunakan

Secara umumnya, kaedah yang digunakan di Maahad Tahfiz Al-Quran An Najihah, Nilai adalah kaedah Deobandy. Perkataan Deobandy merujuk kepada nama wilayah di India iaitu wilayah Deoband yang terletak di daerah Uttar Pradesh India (Abd Latif & Shah Abdul Hadi, 2020). Menurut (Ariffin & Mustaffa, 2020), kaedah Deobandy telah masuk ke Malaysia sejak bermulanya penubuhan Maahad Tahfiz di Malaysia pada tahun 1981. Disebabkan itu kaedah Deobandy tidak asing di Malaysia pada masa kini dan terdapat banyak maahad tahfiz persendirian yang menerapkan kaedah Deobandy dalam sistem pembelajaran tahfiz. Secara asasnya, Terdapat beberapa sistem dalam kaedah Deobandy tetapi sistem yang digunakan di Maahad Tahfiz Al-Quran An Najihah, Nilai adalah *Saba'*, *Sabki* dan *Manzil*.

Saba' merupakan penambahan hafazan baru yang perlu diterapkan oleh pelajar setiap hari. Hafazan baru ini digabungkan dengan hafalan sebelumnya yang belum mencapai 1 *juz* dan mesti dibaca dan didengar kepada rakan, dan ini dipanggil *Sabqi*. Bagi *Manzil*, ia adalah *muroja'ah* bersama halaqah tahfidz al-Quran setiap satu *juz* atau dibaca dihadapan guru tasmik. Keunikan kaedah Deobandy ialah *sabqi* hafalan baru menjadi lebih kuat dan *manzil* hafalan lama menjadi

lebih kuat dan memudahkan pelajar mengulangi hafazan 1 *juz*. Dengan *manzil*, semua hafalan boleh diulang. Buat bacaan harian yang dibaca dengan lebih baik dari segi bacaan dan kelancaran (Fathur Rozi, Mufron, & Tufa, n.d.).

Contoh penerapan sistem *Sabaq*, *Sabki* dan *Manzil* di Maahad Tahfiz Al-Quran An Najihah, Nilai: *Saba'*

Pada pukul 7-9 pagi, kelas pembelajaran dan hafazan Al-Quran bermula dan pelajar dikehendaki untuk menghantar hafalan baru terhadap ustaz dan ustazah.

Contoh; pelajar menghafal muka surat 11 *juz* 1 dan dikehendaki untuk tasmi' dihadapan ustaz dan ustazah.

Sabki

Pelajar akan mengulang hafalan lama sehingga hafazan baru dihadapan kawan ataupun guru. Contohnya, pelajar menghafal satu hari satu muka bermula hari isnin dan pada hari jumaat pelajar tersebut dikehendaki untuk mengulang 5 muka hafalan tersebut.

Manzil

Manzil adalah pengulangan hafalan-hafalan sebelum ini dengan jumlah muka surat yang lebih banyak dihadapan ustaz dan ustazah. Contohnya, pelajar yang telah menghafaz sehingga *juz* 5 dikehendaki untuk mengulang *juz-juz* sebelum ini.

Kekuatan Dan Kelemahan Sistem Yang Digunakan

Kekuatan

Pelajar akan mengingat lebih lama kerana pengulangan yang kerap. Dengan kaedah *sabki*, para pelajar akan mengulangi ayat-ayat Al-Quran yang pernah dihafal agar hafalan mereka yang lepas tidak akan lenyap dan tetap kekal di dalam ingatan.

Sesuai untuk semua peringkat umur para pelajar kerana kaedah tersebut hanya mengulangi ayat berkali-kali sehingga tersemat di dalam minda. Ayat yang diulang-ulang tersebut hendaklah diingat sebelum mula menghafal ayat-ayat yang baru.

Dengan kaedah *Sabki*, hafalan baru menjadi lebih kuat dan dengan kaedah *Manzil*, hafalan lama menjadi lebih kuat dan memudahkan pelajar mengulang hafazan satu *juz*.

Jumlah ayat dan mukasurat yang harus dihafal oleh setiap pelajar adalah berbeza kerana bergantung kepada tahap kebolehan dan kemampuan pelajar. Oleh itu, hal ini akan mengurangkan tekanan kepada pelajar untuk menghafal ayat yang baru.

Dengan sistem jadual harian yang telah disediakan bagi para pelajar, mereka dibimbing dalam menghafaz Al-Quran dan tidak keliru tentang apa yang harus mereka lakukan. Oleh itu, mereka akan lebih berdisiplin dalam menghafaz Al-Quran.

Pelajar dapat mengulang dan murajaah hafazan lama (kaedah *Manzil*) supaya hafalan yang lama tidak dilupakan.

Kelemahan

Kesuntukan masa untuk membaca dan mengaji ayat-ayat al-Quran kerana jadual persekolahan sehingga petang. Oleh itu, masa untuk para pelajar menghafal dan mengulang ayat-ayat yang telah dihafal juga adalah terhad. Para pelajar yang bermasalah atau lambat dalam menghafal ayat Al-Quran akan mengalami masalah terkejar-kejar dan tidak sempat menghafal pada tempoh masa yang ditetapkan oleh guru mereka.

Bilangan ayat hafazan yang berbeza bagi setiap murid akan menyukarkan guru mereka, apatah lagi jika para pelajar mereka sangat ramai. Hal ini kerana kemampuan para pelajar adalah berbeza dalam menghafal ayat Al-Quran, sama ada cepat atau lambat dalam menghafal.

Kelemahan sistem yang dialami oleh Maahad Tahfiz Al Quran An Najihah, Nilai adalah kekurangan tenaga pengajar dalam bidang akademik. Hal ini kerana maahad tahfiz ini menawarkan pengajian ilmu menghafaz Al-Quran dan subjek-subjek akademik, maka bilangan guru dalam kedua-dua bidang ini haruslah seimbang bagi melahirkan generasi huffaz yang berilmu dan professional. Namun begitu, majoriti bilangan guru di maahad tahfiz ini lebih banyak mengajar dalam bidang ilmu hafazan berbanding guru yang mengajar dalam bidang akademik yang hanya terdapat segelintir sahaja. Akibatnya, kebanyakan para pelajar di maahad tahfiz ini sangat lemah dalam bidang akademik seperti subjek bahasa Inggeris, matematik dan sebagainya.

Pencapaian

Berikut adalah antara pencapaian cemerlang Maahad Tahfiz Al-Quran An Najihah, Nilai:

Setiap tahun, beberapa pelajar berjaya menghafaz 30 juzuk al-Quran.

Selain itu, mereka juga dapat mencapai markah tertinggi iaitu 7A pada tahun 2020 dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Seterusnya, terdapat 6 orang pelajar yang mengambil Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2021, mencapai keputusan 3A, dan kesemuanya lulus.

Akhir sekali, sekolah ini juga menghantar wakil untuk menyertai Majlis Tilawah Al-Quran pada tahun 2019.

Rujukan

- A. Adi, M. F., & Shohaimi, A. S. (2019). PROGRAM SYAHADAH TAHFIZ BERASASKAN TEKNIK DEOBANDY: KAJIAN DI MAHAAD TAHFIZ NEGERI PAHANG. *IRSYAD*.
- Abd Latif, M., & Shah Abdul Hadi, A. (2020). PEMBINAAN MODUL HAFALAN AL-QURAN BERDASARKAN TEMATIK AYAT BAGI MEMBANTU PENGUASAAAN PEMAHAMAN AL-QURAN DALAM KALANGAN HUFFAZ. *THE ONLINE JOURNAL OF ISLAMIC EDUCATION*.
- Abdullah, A. H., & Abdul Rahman, N. (n.d.). KAEDAH HAFAZAN AL-QURAN SISTEM TURKI: KAJIAN DI. *Universiti Tekonologi Malaysia Institutional Repository*.
- Abdullah, M., Abdullah, A. H., Rosman, A. S., & Ilias, M. F. (2015). Strategi Awal Menghafaz Al-Quran Menurut Abu Dzar Al-Qalamuni.
- Ariffin, S. B., & Mustaffa, A. (2020). Kaedah Hafalan Al-Quran Deobandy Di Malaysia: Satu Analisis Memperkasa Generasi Penghafaz Al-Quran. *Selangor: Darul Quran Jakim*.
- Dzulkifli, M. A., & Hussain Solihu, A. K. (2018). Methods of Qur'ānic Memorisation (Ḥifẓ): Implications for Learning Performance. *International Islamic University Malaysia*.
- Fathur Rozi, M., Mufron, A., & Tufa, L. S. (n.d.). IMPLEMENTATION OF THE SABAQ SABQI MANZIL METHOD IN IMPROVING THE QUALITY OF MEMORY OF THE QUR'AN (Case Study on Junior High School Students at the Imam Syafi'i Islamic Boarding School Tulungagung). *STAI Muhammadiyah Tulungagung, STAINU Pacitan, STAI Muhammadiyah Tulungagung*.
- Fatimatuzzahro, N. (2018). PENERAPAN METODE PAKISTANI DALAM. *INSTITUT ILMU AL-QUR'AN*.
- Fauzan, A. S., & Mohamad, S. (2017). Kesan Hafazan al-Quran dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik Pelajar. *Jurnal al-Turath*.
- Haji Abdullah, A. H., Safar, A., Mustari, M., Muhammad, A., & Ismail, I. (2003). KEBERKESANAN KAEDAH HAFAZAN. *Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository*.
- Hashim, A., & Tamuri, A. (2012). Persepsi Pelajar Terhadap KAedah Pembelajaran Tahfiz Quran di Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*.
- Hashim, A., Tamuri, A., & Jemali, M. (2013). Latar Belakang Guru Tahfiz Dan Amalan Kaedah Pengajaran Tahfiz Al-Quran di Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education*.
- Mohamed, M., & Abbas, D. (2021). PENGUKUHAN HAFAZAN PELAJAR MELALUI MODUL LIQA (LATIHAN INTENSIF HAFAZAN AL-QURAN) : SATU PENDEKATAN. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*.
- Muchtar, B., Daud, Z. B., & Muhammad, A. (2019). Metode Menghafal Al-Qur'an Di Malaysia Dan Indonesia: Kajian Perbandingan Diantara Perpensyarahan Tinggi (Literasi Metode di Indonesia). *Proceedings of the 6th International Conference on Quran as Foundation of Civilisation*.
- Mustafa, N. M., & Basri, D. (2014). PERBANDINGAN KAEDAH HAFAZAN AL-QURAN TRADISIONAL DAN MODEN: SATU KAJIAN AWAL. *Social Sciences Research*.